

# Indera Kayangan peluang terbaik MCA bersatu semula

KANGAR 29 Dis. — Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik menganggap pilihan raya kecil Dewan Undangan "Negeri kawasan Indera Kayangan merupakan peluang terbaik kepada semua kepimpinan MCA yang bersengketa bersatu semula demi kepentingan Barisan Nasional (BN).

Beliau berkata, kesediaan semua pimpinan MCA turun ke padang tanpa mengira kumpulan bagi membantu calon MCA pada pilihan raya kecil tersebut menunjukkan mereka masih setia kepada parti.

Menurutnya, perkembangan tersebut merupakan sesuatu yang mengembirakan kerana peluang menyatukan pemimpin-pemimpin MCA masih lagi terbuka.

Menurutnya, krisis yang dihadapi oleh MCA akan dapat diatasi jika semua pemimpin saling menggetepikan masalah yang mereka dihadapi serta memberi tumpuan sepenuhnya kepada parti terutamanya pada pilihan raya kecil Dewan Undangan "Negeri kawasan Indera Kayangan.

"Saya mengharapkan pemimpin-pemimpin MCA lain melupakan sementara masalah dalaman parti sebaliknya menumpukan perhatian untuk memastikan kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan dapat dipertahankan dengan majoriti lebih besar," katanya.

Dr. Ling berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan pertemuan de-

ngan Pengerusi BN Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim di pejabat Menteri Besar di sini hari ini.

Presiden MCA itu juga meluangkan masa melawat empat bilik gerakan pilihan raya MCA di kawasan Indera Kayangan.

Beliau yang akan mengetuai jentera pilihan raya MCA menambah, MCA Perlis pula tidak menghadapi sebarang masalah berhubung dengan krisis dalaman parti.

Katanya, pemimpin dan ahli MCA di negeri ini tidak mempunyai kumpulan tertentu sebaliknya mereka bersatu di bawah MCA sahaja.

Dalam pada itu Dr. Ling menjelaskan, masyarakat Cina di Indera Kayangan akan menyokong sesiapa sahaja calon MCA akan bertanding pada pilihan raya kecil itu nanti.

UM 30 DEC 2001

Ini kerana katanya, mereka akan mengambil peluang untuk mengundi calon MCA sebagai membalas budi bekas Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan itu, mendiang Datuk Khor Liang Tee yang telah memberi perkhidmatan cemerlang sepanjang menjadi wakil rakyat.

Pada masa yang sama, tambahnya, pengundi juga kagum dengan kerajaan BN di bawah kepimpinan Shahidan yang berpandangan jauh serta berjaya membawa banyak pembangunan di negeri ini termasuk di Indera Kayangan.

Mengenai calon pula, jelasnya, beliau masih menunggu nama calon yang akan dipilih oleh Pengerusi BN, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk bertanding pada pilihan raya itu.

Sebelum ini, akhbar melaporkan Dr. Ling telah menyerahkan empat nama kepada Dr. Mahathir untuk dipertimbangkan.

"Mengikut tradisi calon (pilihan raya) dipilih oleh Pengerusi BN dan MCA Perlis bersetuju menyokong penuh sesiapa sahaja yang dipilih sebagai calon," ujarnya.

Sementara itu pada sidang akhbar tersebut, Shahidan memberitahu, beliau akan menghantar surat jemputan kepada semua pimpinan MCA supaya mereka dapat turut serta sepanjang kempen pilihan raya kecil berkenaan termasuk pada hari penamaan calon.